

COVID-19: IPT perlu rujuk nasihat, arahan KKM - Zambrzy

Oleh [Ruwaida Md Zain](#) - Disember 18, 2023 @ 7:47pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambrzy Abdul Kadir (kanan). - Foto FB Universiti Kebangsaan Malaysia

SHAH ALAM: Pihak pengurusan institusi pengajian tinggi (IPT) perlu merujuk kepada nasihat atau arahan dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM), dalam pelaksanaan langkah mengekang penularan COVID-19.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambrzy Abdul Kadir, berkata pihaknya tidak akan membuat sebarang keputusan mendahului KKM.

"Universiti hendaklah (membuat keputusan) berasaskan apa yang dimaklum dan diarahkan oleh KKM.

"Kita tidak boleh membuat keputusan sendiri tanpa merujuk kepada KKM terlebih dahulu berhubung nasihat dan arahan sebagai panduan untuk kita ikut," katanya kepada pemberita pada Majlis Perasmian Penutupan Pertandingan Debat Diraja Antara IPT 2023 Edisi Ke-24 di Universiti Teknologi MARA (UiTM), di sini, hari ini.

Majlis itu disempurnakan oleh Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, dan turut dihadiri Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada pembelajaran pelajar IPT perlu diadakan secara dalam talian susulan peningkatan kes COVID-19 kini.

Ditanya sama ada Kementerian Pengajian Tinggi akan menggalakkan pelajar mengambil suntikan vaksin COVID-19 pula, Zambry berkata, perkara itu juga bergantung pada KKM dan pihaknya tidak boleh mengeluarkan kenyataan berkaitan hal ehwal kesihatan.

Sementara itu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dinobatkan sebagai johan Kategori Bahasa Melayu, manakala UiTM mengungguli Kategori Bahasa Inggeris dan Universiti Malaya (UM) menjuarai Kategori Bahasa Arab dalam pertandingan debat berkenaan.

Zambry dalam sembah ucapan pada majlis itu berkata, Kategori Bahasa Arab diperkenalkan semula tahun ini selepas kali terakhir diadakan pada 2007.

Secara keseluruhan, beliau berkata, sebanyak 85 pasukan bertanding mewakili 19 universiti awam dan empat institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam edisi kali ini.